

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI

SOALAN : 13

YB Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah strategik kementerian dalam menangani aktiviti nelayan asing terutama di perairan Sabah yang menyebabkan sebanyak 980,000 tan metrik hasil laut negara yang dianggarkan bernilai antara RM3 bilion hingga RM6 bilion hilang setiap tahun.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan amat memandang serius masalah pencerobohan nelayan asing di kawasan perairan negara yang mana aktiviti haram ini telah mendatangkan kerugian hasil laut yang besar kepada negara. Di perairan maritim Sabah khususnya, *Malaysia Coast Guard* (MCG) telah mengambil tindakan penguatkuasaan secara serius dengan beberapa langkah strategik dalam menangani aktiviti nelayan asing ini. Di antara langkah-langkah tersebut ialah:

- a. meningkatkan meningkatkan rondaan dan kehadiran di Wilayah Sabah dengan mengoperasikan sebanyak 91 buah kapal dan bot (kapal sebanyak 22 buah manakala bot 69 buah) sebagai langkah untuk mengawal isu pencerobohan bot nelayan asing disamping mengekalkan 70% kesiapsiagaan aset sedia beroperasi pada setiap masa di perairan Sabah;
- b. mempertingkatkan kawalan keselamatan bagi menangani pencerobohan unsur-unsur luar yang memasuki sempadan perairan Sabah dengan menempatkan radar-radar yang dibina di beberapa tempat iaitu *Remote Sensor Site* (RSS) Gaya, RSS Mantanani dan RSS Balambagan;
- c. menugaskan *Offshore Patrol Vessel* (OPV) yang dihadiahkan oleh Kerajaan Jepun iaitu KM ARAU yang di tempatkan di Kota Kinabalu dan mempunyai keupayaan beroperasi sehingga 200 batu nautika. Selain itu, *Malaysia Coast Guard* akan menerima 6 buah kapal ronda *New Generation Patrol Crafts* (NGPC) dan 3 buah kapal kelas OPV bagi memperkasakan aset sedia ada; dan

- d. *Malaysia Coast Guard* menyahut seruan kerajaan dengan melaksanakan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama-sama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti TLDM, PDRM, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Perhutanan, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Jabatan Taman laut, dan Petronas bagi meningkatkan keberkesanan keselamatan di perairan Sabah.

Statistik tangkapan bot nelayan asing di perairan Sabah setiap tahun semakin meningkat iaitu pada tahun 2015 sebanyak 17 bot nelayan asing berjaya ditangkap. Manakala, pada tahun 2016 sebanyak 21 buah dan sehingga Jun 2017 sebanyak 7 buah bot telah ditangkap. Ini menunjukkan keberkesanan MCG dalam menangani pencerobohan bot nelayan asing. Kejayaan ini juga banyak dibantu oleh maklumat-maklumat yang diterima oleh pemantauan radar-radar SWASLA di sekitar Sabah yang menjadikan penguatkuasaan lebih efisien dan berkesan.

Sekian, terima kasih.